

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXII)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

4. Daripada jumlah keseluruhan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan pada tahun 2019 di Pulau Pinang, berapakah jumlah kes di mana hasilnya adalah tiada tindakan lanjut (NFA); pelaku dituduh di mahkamah; pertuduhan ditarik balik; pelaku dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA); pelaku disabitkan kesalahan selepas perbicaraan penuh; dan pelaku mengaku salah dan dihukum?

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), sejumlah 343 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2019. Perincian status dan tindakan kes keganasan rumah tangga pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

<b>JENIS TINDAKAN</b>	<b>BILANGAN</b>
Tiada tindakan lanjut (NFA)	50
Dalam tindakan PDRM	20
Pelaku dituduh di mahkamah	105
Pertuduhan ditarik balik	63
Pelaku dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA)	33
Pelaku disabitkan kesalahan selepas perbicaraan penuh	55
Pelaku mengaku bersalah dan dihukum	10
Lepas dan bebas	7
<b>JUMLAH</b>	<b>343</b>